

Headline	Pilihan Oltmans cetus kontroversi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Sukan	Page No	76
ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,683		



## Pilihan Oltmans cetus kontroversi

**Kuala Lumpur:** Ketiadaan nama pemain tengah, Azri Hassan dan penyerang, Ramadan Rosli dalam senarai 28 pelatih skuad hoki kebangsaan, kelmarin mencetuskan persoalan terhadap kriteria pemilihan dibuat pengendali baharu Malaysian Tigers, Roelant Oltmans.

Malah, keputusannya untuk menggugurkan tonggak senior, Nabil Fikri Mohd Noor selain menyisihkan nama pemain muda sedang meningkat Tenaga Nasional Berhad (TNB), Shello Silviri turut menyebabkan ramai warganet hoki tertanya-tanya apakah Oltmans benar-benar telus?

Dan bekas pengendali sementara skuad kebangsaan, Arul Selvaraj turut tidak terlepas daripada tertanya-tanya kriteria pemain yang dipilih Oltmans kali ini.

"Saya agak terkejut bila melihat nama Azri dan Ramadan tiada, mungkin bagi Nabil dia (Oltmans) mempunyai alasannya tersendiri.

"Tetapi yang buat saya lebih sukar mempercayai bagaimana nama Joel (Van Huizen) masih disenaraikan dalam barisan 28 pemain.

"Dia tidak cukup bagus untuk beraksi di pentas antarabangsa dan apabila gagal tugas jurulatih anda perlu melihat dengan luas, kalau sudah terlalu banyak peluang diberikan dan pemain itu gagal membawa impak sepatutnya peluang diberikan kepada pemain lain pula," kata Arul.

### **Pengsan dua kali**

Azri, 27, dilihat konsisten sepanjang musim ini termasuk membantu Pasukan Hoki Terengganu (THT) menjulang gelaran Piala TNB, Sabtu lalu, manakala Ramadan, 28, pula dianggap Arul sebagai memiliki pakej lengkap untuk beraksi di pentas antarabangsa walaupun tidak menjadi pilihan utama di TNB.

"Kedua-dua pemain ini beraksi konsisten dalam liga. Ramadan pemain pantas dan kuat.

"Bagi Azri pula saya rasa dia memainkan peranan baik selaku pertahanan dan pemain tengah kanan THT, agak hairan apabila nama mereka tidak berada dalam senarai 28 pemain berbanding Joel.

"Berdasarkan saingan liga baru-baru ini Joel dilihat tidak menonjol bersama Nur Insaifi, biasanya pemain kebangsaan yang mewakili pasukan kerdil akan menonjol tetapi sebaliknya dia," kata Arul lagi.

Ia bukan kali pertama pemilihan Joel yang juga anak kepada penolong jurulatih skuad kebangsaan, Stephen Van Huizen dipersoalkan selepas kali pertama mula menyarung jersi negara dalam Ujian Siri di Auckland pada Mac 2016.

Isu ini juga pernah dibangkitkan bekas pengerusi jawatankuasa Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Ow Soon Kooi pada Ogos 2017 yang mempersoalkan keputusan Stephen untuk tetap membawa anaknya ke Liga Hoki Dunia di Dhaka, Bangladesh walaupun Joel dua kali jatuh pengsan ketika itu.